

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HKN 206 – Kesusasteraan Bercorak Islam di Nusantara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja.

1. Bincangkan teori al-Hallaj mengenai konsep Nur Muhammad atau Haqiqat Muhammad seperti yang dapat dikesan dalam ***Hikayat Nur Muhammad***. Bahaskan secara kritis sejauhmanakah teori ini dapat memperjelaskan fahaman ahli-ahli sufi dan ahli-ahli falsafah bahawa hikayat ini turut membincangkan kewujudan alam transenden.
- 2 Huraikan bentuk puisi nazam. Kemudian bincangkan sejauhmanakah bentuk nazam ini dapat dikenalpasti sebagai satu cara dan gaya yang paling sesuai untuk mempersemprehankan jalinan struktur dan tema yang tersurat dan tersirat mengenai riwayat hidup Rasulullah s.a.w.? Rujuk ***Kitab Kanz al- Ula*** karangan Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin.
3. Bincangkan secara kritis plot cerita ***Hikayat Tamin al-Dari***. Dengan mengemukakan contoh-contoh adegan dan peristiwa yang bersesuaian, bincangkan secara kritis plot hikayat ini dalam menjayakan mahupun mengagalkan misi penggembalaan yang ditempuh oleh watak utama hikayat ini.

4. Dengan merujuk kepada pandangan A.Bausani yang menyebut bahawa **Hikayat Maharaja Ali** diwarnai dengan unsur-unsur keluarbiasaan dan keajaiban yang berdasarkan mitos **eternal saga of the avataras**, buktikan bahawa hikayat ini boleh ditafsir semula dengan mengikut rangka rujukan Islam.
5. **Sja'ir Perang Mengkasar** berkisar di sekitar peperangan di antara Sultan Hasanuddin dengan Cornelis Janszoon Speelman dari V.O.C yang ditampilkan melalui seorang Setiausaha Diraja. Pada pandangan anda sejauhmanakah pengarang syair ini bersifat saksama dalam memaparkan suasana perang tersebut di samping dapat mengekalkan kesegaran membaca di pihak khalayak? Bahasan anda perlu disertakan dengan pelbagai bentuk ragam bahasa yang terkandung dalam rangkap-rangkap syair tersebut.
6. Karya **Ruba'i Hamzah Fansuri** karangan Hamzah Fansuri mengemukakan pengalaman peribadi dan pemikiran beliau tentang ajaran Wahdatul-Wujud. Kemukakan hujah-hujah anda untuk membuktikan kenyataan tersebut. Hujahan anda perlu disertakan dengan saranan beliau yang disampaikan dalam bentuk simbol dan imej.
7. Huraikan konsep *al-Insan al- Kamil* atau *al-Haqiqah al-Muhammadiyah* seperti yang dikemukakan oleh Abdul Karim al-Jili dan perlihatkan perkaitannya dengan konsep Kalbu sebagai Baitullah yang disarankan oleh Tuan Tabal dalam kitab **Jala 'al-Qulub Bidhikri'llah**. Pada pandangan anda, sejauhmanakah pengisian karya ini dapat membantu dalam menjana tahap kesempurnaan insan.